

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 (86)

31 Julai 2022
2 Muharram 1444H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 26/2022

PEMAKAIAN PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA DARI JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA BERKENAAN PINDAAN PADA CERAIAN PP.1.2.4 : PROSEDUR MEMBERSARAKAN PEGAWAI ATAS SEBAB KESIHATAN CERAIAN PP.1.2.5 : PENAMBAHBAIKAN FAEDAH PERSARAAN ATAS SEBAB KESIHATAN

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 120 bertarikh 17 Julai 2022 telah bersetuju menggunakan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia dari Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia berkenaan pindaan pada Ceraian PP.1.2.4: Prosedur Membersarakan Pegawai Atas Sebab Kesihatan dan Ceraian PP.1.2.5: Penambahbaikan Faedah Persaraan Atas Sebab Kesihatan.

2. Berdasarkan seksyen 10(5)(a), Akta Pencen 1980, seseorang pegawai dalam perkhidmatan awam boleh dibersarakan oleh Yang di-Pertuan Agong, berkenaan dengan pegawai persekutuan atau pegawai persekutuan tempatan, atau Pihak Berkuasa Negeri, berkenaan dengan pegawai negeri, jika Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, berkenaan dengan pegawai persekutuan atau pegawai persekutuan tempatan, atau Setiausaha Kerajaan Negeri, berkenaan dengan pegawai negeri, berpuas hati atas keterangan doktor bahawa pegawai itu tidak berupaya menjalankan kewajipan-kewajipan jawatannya disebabkan oleh kelemahan akal atau tubuh yang mungkin menjadi kekal. Peruntukan di bawah seksyen tersebut digunakan bagi seseorang pegawai yang telah disahkan dalam jawatannya, tidak kira sama ada beliau telah memilih skim pencen ataupun skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

3. Pegawai yang dibersarakan atas sebab kesihatan akan terus dibayar pencen perkhidmatan, selain ganjaran perkhidmatan dan award wang tunai gantian cuti rehat setelah tarikh persaraan berkuat kuasa. Mulai tarikh berikutan keluarnya Laporan Lembaga Perubatan, pegawai tersebut hendaklah diberi Cuti Perubatan Khas sekiranya beliau tidak mempunyai cuti rehat atau sebaik sahaja beliau menghabiskan cuti rehatnya. Sepanjang tempoh Cuti Perubatan Khas, pegawai layak dibayar gaji pokok dan imbuhan-imbuhan tetap berdasarkan jawatan hakikinya.

FAEDAH PERSARAAN (CERAIAN PP 1.2.5: PENAMBAHBAIKAN FAEDAH PERSARAAN ATAS SEBAB KESIHATAN)

4. Pengiraan faedah persaraan bagi pegawai berpencen yang dibersarakan atas sebab kesihatan adalah tertakluk kepada peraturan 4 Peraturan-Peraturan Pencen 1980 [P.U (A) 176/1980] atau peraturan 3 Peraturan-Peraturan Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1990 [P.U (A) 134/1990], mengikut mana-mana yang berkenaan. Pengiraan faedah persaraan untuk pegawai yang dibersarakan atas sebab kesihatan sebelum atau pada 31 Disember 2017 adalah mengikut tempoh perkhidmatan sebenar pegawai. Amaun pencen perkhidmatan yang kena dibayar hendaklah tidak kurang daripada satu per lima dan terhad kepada maksimum tiga per lima daripada gaji akhir pegawai.

5. Penambahbaikan kepada pegawai yang dibersarakan atas sebab kesihatan yang telah dipersetujui oleh Kerajaan mulai 01 Januari 2018 akan memberi implikasi kepada pengiraan pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan seperti berikut:

Kategori	Tempoh Perkhidmatan Sebenar (TPS)	Tempoh Perkhidmatan Secara Isyarat	
		Pencen	Ganjaran
1	119 bulan dan kurang	240 bulan	TPS + 120 bulan
2	120 – 240 bulan	TPS + 120 bulan	TPS + 120 bulan
3	241 – 359 bulan	360 bulan	360 bulan
4	360 bulan dan lebih	360 bulan*	TPS

*Pengiraan pencen perkhidmatan bagi pegawai yang mempunyai tempoh perkhidmatan 360 bulan dan lebih adalah tertakluk kepada pengiraan pencen maksimum iaitu 60% daripada gaji akhir yang diterima

PELANTIKAN SEMULA PEGAWAI YANG TELAH DIBERSARAKAN ATAS SEBAB KESIHATAN (CERAIAN PP 1.2.5: PENAMBAHBAIKAN FAEDAH PERSARAAN ATAS SEBAB KESIHATAN)

6. Peraturan 8 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A) 1/2012] membenarkan pegawai yang telah dibersarakan atas sebab kesihatan dilantik semula ke dalam perkhidmatan awam.
7. Jika pegawai dilantik semula secara tetap ke dalam perkhidmatan awam, pegawai dianggap telah melepaskan keistimewaan pemberian faedah persaraan atas sebab kesihatan yang telah diterimanya seperti, yang diperuntukkan dalam Peraturan 9, P.U(A) 176/1980 atau Peraturan 9, P.U.(A) 134/1990, mengikut mana-mana yang berkenaan. Bagi pegawai yang dilantik semula sebagai pegawai tetap dalam perkhidmatan awam, atau dilantik semula sebagai pekerja tetap dalam perkhidmatan pihak-pihak berkuasa berkanun dan tempatan, pencen yang diterimanya akan digantung menurut Seksyen 23, Akta 227 atau Seksyen 26, Akta 239, mengikut mana- mana yang berkenaan.
8. Pihak Berkuasa Melantik atau Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk memaklumkan Jabatan Perkhidmatan Awam berhubung dengan pelantikan semula secara tetap seseorang yang pernah dibersarakan atas sebab kesihatan.
9. Ceraian PP.1.2.5: Penambahbaikan Faedah Persaraan Atas Sebab Kesihatan ini tidak terpakai kepada pegawai yang dibersarakan atas sebab kesihatan di bawah perenggan 10(5)(a) Akta 227 atau perenggan 10(5)(a) Akta 239 sebelum 01 Januari 2018.
10. Sehubungan dengan itu, semua staf diminta mengambil maklum akan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia, Jabatan Perkhidmatan Awam Ceraian 1.3.2: Panduan Pertukaran Pelantikan ini berkuat kuasa pada **1 Januari 2022** dan dengan berkuatkuasanya pemakaian Pekeliling ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1995 : Prosedur Membrosarakan Pegawai Atas Sebab Kesihatan dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2021: Penambahbaikan Faedah Persaraan Atas Sebab Kesihatan adalah **terbatal**.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah